

**SULIT**

**MESYUARAT KEEMPAT, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
(PARIT SULONG)**

**NO. SOALAN : 110**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar dijalankan bagi meningkatkan pembangunan lahiriah dan moral penduduk tempatan biasa dan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi memastikan pembangunan ini dilestarikan.

**SULIT**

**SULIT**

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup dan bagi memastikan pembangunan yang berterusan di kawasan luar bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memperuntukkan sebanyak RM2.481 billion untuk tahun 2016. Peruntukan ini adalah meliputi pembinaan jajaran sepanjang 300 km Jalan Luar Bandar (JALB), 1,200 km Jalan Perhubungan Desa (JPD), pembinaan sistem Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan pembinaan sistem Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Walau bagaimanapun, di samping pembangunan infrastruktur, kementerian ini juga turut memberi penekanan dalam memperkasa modal insan dan pengupayaan masyarakat luar bandar.

Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-11, kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM1.45 billion bagi program pembangunan modal insan yang dilaksanakan menerusi KEMAS dan MARA. Program di bawah KEMAS adalah melibatkan pembinaan TABIKA KEMAS di bawah program pendidikan pra-sekolah dengan peruntukan

**SULIT**

## **SULIT**

sebanyak RM16.4 juta manakala, program yang dilaksanakan menerusi MARA adalah melibatkan penambahbaikan program pendidikan MARA dengan peruntukan sebanyak RM1.44 billion. Antaranya, pembinaan Maktab Rendah Sains MARA, pewujudan kursus baru dan pembelian peralatan program GiatMARA dan pembinaan Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM). Selain daripada itu, kementerian ini menerusi MARA juga telah memperuntukkan sebanyak RM95 juta untuk menaik taraf program-program sijil yang ditawarkan di Institut Kemahiran MARA ke peringkat diploma selaras tujuan peningkatan kualiti pendidikan masyarakat luar bandar.

Kementerian ini sentiasa memastikan supaya usaha membangunkan kawasan luar bandar tidak hanya melalui pelaksanaan projek-projek fizikal sahaja, malah turut melibatkan pembangunan modal insan supaya penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan infrastruktur dan dalam masa yang sama memperoleh kehidupan yang berkualiti.